

Dimensi Kecerdasan Emosi di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi MARA (Pahang)

*Maisarah Binti Ishak
Dr. Sharifah Zannierah Binti Syed Marzuki*

ABSTRAK

Kecerdasan intelektual (IQ) lazimnya memberi kesan yang besar terhadap kejayaan seseorang individu. Namun, masalah sosial yang terus mengancam masyarakat hari ini mewujudkan kesedaran bahawa kecerdasan intelektual bukan merupakan satu-satunya penyelesaian kepada masalah dan penentu kejayaan seseorang. Para ahli psikologi melihat perkara ini berpunca daripada tahap kecerdasan emosi (EQ) yang rendah menyebabkan individu sukar untuk mengawal emosi dalam diri mereka. Hal ini turut memberi kesan ke atas golongan mahasiswa yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah dan tidak mampu mengurus emosi dengan baik. Akibatnya, pelbagai masalah berkaitan akademik dan bukan akademik seperti masalah sosial berlaku dalam kalangan mahasiswa dan turut memberi kesan negatif terhadap institusi pengajian tinggi. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap dimensi kecerdasan emosi yang dimiliki oleh pelajar Universiti Teknologi MARA Pahang dalam usaha untuk membantu para pelajar lebih mengenali dan memahami emosi diri mereka. Terdapat enam dimensi kecerdasan emosi yang diberi perhatian iaitu kesedaran sendiri, kawalan diri, motivasi diri, empati dan kemahiran sosial. Setiap dimensi EQ ini mempunyai ciri-ciri peribadi yang mampu membezakan perwatakan seorang pelajar. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa kedua-dua unsur IQ dan EQ perlu dipupuk dalam kalangan pelajar agar mereka mampu menghadapi cabaran dunia yang semakin sukar dan mencabar.

Kata Kunci: kecerdasan emosi, prestasi akademik, pelajar

Pengenalan

Setiap individu mengalami beberapa proses perkembangan sehingga mencapai kematangan dalam kehidupan mereka. Salah satu proses perkembangan yang berlaku adalah perkembangan emosi. Individu yang memiliki kematangan emosi yang tinggi mampu memahami dan mengurus emosi diri sendiri dan orang lain (McShane & Glinow, 2012). Malah, aspek emosi di kalangan mahasiswa juga banyak dibincangkan oleh para penyelidik dan ahli psikologi dalam usaha membendung gejala sosial yang semakin menular. Mahasiswa merupakan golongan individu yang memiliki tahap intelek yang tinggi dan seharusnya mereka sebagai pelapis pemimpin negara menunjukkan tingkahlaku yang baik seiring dengan ketinggian ilmu yang dimiliki. Namun, pelbagai bebanan tanggungjawab sebagai seorang pelajar menyebabkan mereka tidak berupaya memahami dan menguruskan emosi diri (Chew, Md Zain & Hassan, 2013). Goleman (1999) menjelaskan bahawa individu yang tidak mampu menguruskan emosi diri sendiri mengalami kesukaran untuk bersosial dengan masyarakat sekeliling. Malah, mereka juga tidak mampu menguruskan aktiviti harian mereka dengan baik. Oleh yang demikian, aspek emosi adalah penting untuk dikaji kerana ia merupakan satu cabang kepelbagaian atau perbezaan individu yang mempengaruhi personaliti, nilai, sikap dan kekuatan yang dimiliki oleh seseorang individu (Pamela & Julie, 1999).

Kecerdasan Emosi

Idea penemuan konsep kecerdasan emosi (EQ) telah dicetuskan oleh dua orang sarjana psikologi iaitu Peter Solovey daripada University Yale dan John Mayer dari Universiti New Hampshire. Manakala seorang lagi tokoh psikologi iaitu Reuvan Bar-On telah mengemukakan satu model kecerdasan emosi pada tahun 1980-an (Goleman, 1999). Seterusnya, Daniel Goleman merupakan individu yang terlibat secara langsung dengan terma "Kecerdasan Emosi". Goleman (2003) dalam bukunya "*Emotional Intelligence*" telah membangkitkan kesedaran orang ramai tentang konsep ini yang bermula dengan implikasinya terhadap mendidik kanak-kanak serta kepentingan EQ terhadap jalinan hubungan sesama manusia. Menurut beliau, kecerdasan emosi (EQ) merupakan konsep yang berlainan dengan kecerdasan mental (IQ). IQ hanya dapat membantu seseorang mendapatkan kerja manakala kecerdasan emosi pula dapat membantu seseorang kekal di dalam kerjayanya.

Menurut beliau lagi, kejayaan seseorang individu hanya bergantung kepada IQ sebanyak 20%, manakala 80% kepada kemahiran individu mengawal emosi.

Diriwayatkan daripada Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah S.A.W bersabda;

“Sesungguhnya dalam tubuh jasad anak Adam itu (manusia) ada seketul daging dan apabila ia baik nescaya baiklah seluruh anggota tubuh badan dan apabila ia jahat, nescaya jahatlah seluruh tubuh badan. Ketahuilah, bahawa ianya adalah hati”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut, jelas menunjukkan kepada kita bahawa agama Islam amat mementingkan aspek dalaman manusia iaitu hati nurani, rohani dan emosi. Aspek ini perlu dipelihara sama seperti kita menjaga jasmani dan tubuh badan malah perlu lebih diutamakan. Jelas dilihat bahawa peranan hati yang menjadi tunjang kepada perasaan dan emosi yang mempunyai pertalian yang begitu rapat dengan kejayaan manusia dalam menjalani kehidupan seharian.

Seorang mahasiswa memerlukan keupayaan yang tinggi untuk menguruskan pelbagai tugas, membiasakan diri dengan pelbagai kaedah pembelajaran, menjalankan tugas secara lebih berdikari, mencapai tahap prestasi yang ditetapkan serta menyesuaikan diri dengan aktiviti akademik dan bukan akademik. Menurut Rode, Mooney, Arthaud-Day, Near, Baldwin, Rubin dan Bommer (2007), tugas-tugas ini mampu memberi tekanan emosi kepada pelajar terutamanya dalam membuat persediaan menjelang peperiksaan. Tambahan pula, menurut beliau kefahaman berkaitan punca dan akibat terbentuknya emosi diri merupakan salah satu elemen penting dalam kecerdasan emosi.

Justeru, kesedaran baru berkenaan kepentingan kecerdasan emosi ini telah mencetuskan pelbagai kajian yang berkaitan dengan emosi manusia. Malah, kecerdasan emosi dilihat lebih memberi pengaruh dan kesan terhadap kejayaan seseorang individu berbanding kecerdasan intelek (Goleman, 2003). Individu yang memiliki kecerdasan emosi dapat meningkatkan motivasi diri, sabar, mampu mengendalikan tekanan, tidak mudah berputus asa serta dapat membentuk personaliti diri yang lebih baik.

Dimensi Kecerdasan Emosi

Chapman (2011) telah mengemukakan tiga perkara penting dalam mendefinisikan kecerdasan emosi. Pertama, mengetahui perasaan diri sendiri dan orang lain serta perkara yang perlu dilakukan. Kedua, perasaan yang baik dan perasaan yang tidak baik serta cara yang boleh digunakan untuk mengubah perasaan yang tidak baik kepada perasaan yang lebih baik. Ketiga, mempunyai kesedaran emosi, sensitiviti dan kemahiran pengurusan yang akan membantu seseorang individu memaksimumkan kebahagiaan jangka panjang. Secara ringkasnya, beliau telah membahagikan kecerdasan emosi kepada dua bahagian utama iaitu intrapersonal dan interpersonal. Dalam intrapersonal, terdapat dimensi-dimensi seperti keupayaan mengenal emosi sendiri, keupayaan mengurus emosi sendiri dan motivasi sendiri. Interpersonal pula mengandungi dimensi keupayaan mengendalikan perhubungan yang berkesan dan keupayaan mengenal emosi orang lain.

Kajian ini menumpukan kepada pandangan mengenai kecerdasan emosi yang dikemukakan oleh Goleman (2003). Terdapat lima dimensi yang dititikberatkan dalam mengkaji kecerdasan emosi iaitu kesedaran sendiri, kawalan sendiri, memotivasikan diri sendiri, empati dan kemahiran sosial. Dimensi kesedaran sendiri merujuk kepada keupayaan seseorang untuk mengenali perasaan yang sedang dialami oleh dirinya. Selain itu, individu ini mempunyai kemampuan yang tinggi dalam mengendalikan emosinya serta mampu mengendalikan diri dengan baik.

Dimensi kawalan sendiri merujuk kepada kemampuan seseorang dalam mengawal emosi diri sendiri supaya tidak dicampur adukkan dengan tugas yang dijalankan. Malah, dimensi ini mampu menghalang seseorang individu daripada masalah stres atau tekanan emosi. Bagi dimensi memotivasikan diri sendiri, ianya merujuk kepada dorongan dalaman yang digunakan untuk menggerakkan dan mendorong diri sendiri mencapai matlamat serta mampu membantu diri untuk berusaha meningkatkan keupayaan dan prestasi diri.

Selain itu, dimensi empati merujuk kepada kebolehan individu untuk memahami perasaan orang lain serta meletakkan situasi orang lain pada situasi diri mereka sendiri. Selain itu, individu ini cenderung untuk

menjaga hubungan baik dengan orang lain. Bagi dimensi terakhir iaitu dimensi kemahiran sosial merujuk kepada kebolehan individu untuk berinteraksi dengan orang lain dalam suasana yang positif dan harmoni.

Kaedah Penyelidikan

Bagi mencapai matlamat dan objektif kajian ini, kaedah pengumpulan data primer digunakan. Sumber utama data diperoleh melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 250 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa UiTM Pahang. Borang soal selidik telah diedarkan secara rawak menggunakan kaedah persampelan mudah (convenience sampling). Sebanyak 194 borang soal selidik yang lengkap diisi telah dipulangkan oleh responden.

Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A merangkumi 4 soalan yang berkaitan latar belakang demografi responden. Manakala bahagian B mengandungi 50 soalan berkaitan dimensi kecerdasan emosi mahasiswa UiTM Pahang. Pengukuran kecerdasan emosi dalam kajian ini adalah berdasarkan soal selidik yang dibina oleh Danial Goleman dan diterjemahkan oleh Nor Akmar (2003) dalam kajiannya yang bertajuk "Kajian keberkesanan kepimpinan dalam organisasi : Hubungannya dengan kecerdasan emosi pemimpin". Soal selidik ini terbahagi kepada lima dimensi kecerdasan emosi iaitu kesedaran sendiri, kawalan sendiri, memotivasikan diri sendiri, empati dan kemahiran sosial. Jadual 1 menunjukkan pecahan item dalam soal selidik mengikut dimensi kecerdasan emosi.

Jadual 1 : Pecahan Item Bagi Setiap Dimensi Kecerdasan Emosi

Dimensi	Pecahan Item	Bil. Item
Kesedaran Kendiri	1,2,3,4,5,46,47,48,49,50	10
Kawalan Kendiri	6,7,8,9,10,11,12,13,14,15	10
Memotivasikan Diri Sendiri	16,17,18,19,20,21,22,23,24,25	10
Empati	26,27,28,29,30,31,32,33,34,35	10
Kemahiran Sosial	36,37,38,39,40,41,42,43,44,45	10
Jumlah		50

Data-data yang diperolehi daripada responden dianalisis menggunakan kaedah analisis kuantitatif bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik bagi kedua-dua bahagian dianalisis menggunakan perisian SPSS 20 (*Statistical Package For Social Science*). Skor bagi bahagian A akan dianalisis dengan menggunakan kaedah peratusan. Manakala bagi bahagian B akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif.

Analisa konsistensi dalaman (Cronbach α) telah digunakan untuk tujuan pengesahan ujian kebolehpercayaan setiap faktor penyelidikan. Menurut Sekaran (2000), semakin hampir nilai Cronbach alpha kepada nilai satu, semakin tinggi kebolehpercayaan konsistensi dalaman. Oleh itu, Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach alpha melebihi 0.6 (Nunnally, 1978) di mana ia adalah tahap signifikan kesahan *convergen*. Maka ia boleh diterimapakai untuk tujuan analisa.

Jadual 2 : Ujian kebolehpercayaan

Cronbach's Alpha	N of Items
.625	50

Analisa dan Hasil Kajian

Analisa Demografi Responden

Bahagian ini membincangkan hasil dapatan berkaitan demografi responden. Jadual 2 menunjukkan bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden terdiri daripada 96 orang lelaki (49.5%) dan 98 orang perempuan (50.5%).

Jadual 3: Pecahan responden mengikut jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	96	49.5
Perempuan	98	50.5

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian menunjukkan majoriti responden berumur 20 tahun iaitu seramai 101 orang (52.1%). Seramai 53 orang (27.3%) berumur 21 tahun ke atas manakala 39 orang (20.1%) berumur 19 tahun.

Jadual 4: Pecahan responden mengikut umur

Umur	Kekerapan	Peratusan
18 tahun ke bawah	1	0.5
19 tahun	39	20.1
20 tahun	101	52.1
21 tahun ke atas	53	27.3

Seterusnya, Jadual 4 menunjukkan pecahan responden mengikut kaum. Hasil kajian menunjukkan 189 orang (97.4%) responden terdiri daripada Bumiputera Melayu dan hanya 3 orang (1.5%) adalah orang asli diikuti seorang (0.5%) Bumiputera Sabah.

Jadual 5: Pecahan responden mengikut kaum

Kaum	Kekerapan	Peratusan
Bumiputera Melayu	189	97.4
Bumiputera Sabah	1	.5
Orang asli	3	1.5
Lain-lain	1	.5

Jadual 5 menunjukkan pecahan responden mengikut fakulti. Hasil kajian menunjukkan majoriti daripada responden terdiri daripada mahasiswa dari Fakulti Pengurusan Perniagaan iaitu seramai 109 orang (56.2%). Seterusnya diikuti oleh Fakulti Sains Gunaan seramai 34 orang (17.5%).

Jadual 6: Pecahan responden mengikut Fakulti

Fakulti	Kekerapan	Peratusan
Pengurusan Perniagaan	109	56.2
Perakaunan	4	2.1
Sains Gunaan	34	17.5
Sains Komputer dan Matematik	31	16.0
Sain Sukan dan Rekreasi	16	8.2

Analisa Dimensi-dimensi Kecerdasan Emosi

Seterusnya, Jadual 6 menunjukkan analisa dimensi kesedaran sendiri di kalangan responden. Hasil kajian menunjukkan min tertinggi adalah bagi item berkaitan kesedaran responden terhadap bagaimana perasaan yang ada pada diri mempengaruhi prestasi akademik dengan skor min = 3.88. Seterusnya diikuti dengan item berkaitan kesungguhan responden melindungi masalah untuk menampilkan diri dengan penuh keyakinan dengan sor min = 3.81. Hasil dapatan diikuti dengan item berkaitan kesediaan responden bercakap benar terhadap perkara yang tidak dipersetujui ramai (3.62) dan responden dapat menampilkan diri dengan penuh yakin (3.55).

Jadual 7: Analisa Dimensi Kesedaran Kendiri

Bil.	Item	Min
1.	Saya sukar memahami perasaan yang ada pada diri saya	2.78
2.	Saya menyedari bagaimana perasaan yang ada pada diri mempengaruhi prestasi akademik	3.88

3.	Saya tidak menyedari kekuatan dan kelemahan diri saya	2.77
4.	Saya tidak bersedia untuk menerima teguran	2.19
5.	Saya bersedia mengatakan sesuatu yang benar walaupun perkara tersebut tidak dipersetujui ramai	3.62
6.	Saya kurang berusaha untuk meningkatkan diri sendiri	2.41
7.	Saya dapat menampilkan diri dengan penuh keyakinan	3.55
8.	Saya berusaha melindungi masalah untuk menampilkan diri dengan penuh keyakinan.	3.81
9.	Saya tidak dapat menghadapi tekanan dengan tenang.	2.59
10.	Saya sukar mengakui kesilapan diri.	2.38

Jadual 7 menunjukkan analisa dimensi kawalan sendiri. Hasil kajian menunjukkan skor min tertinggi adalah item berkaitan keupayaan responden untuk mendapatkan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi dengan skor min = 4.07) dan diikuti dengan item berkaitan kesediaan responden mencari idea-idea baru dari pelbagai sumber yang ada dengan pelbagai cara (3.76). Hasil kajian juga menunjukkan skor min terendah adalah item berkaitan kesukaran responden memenuhi janji yang telah dibuat dengan skor min 2.32.

Jadual 8: Analisa Dimensi Kawalan Kendiri

Bil.	Item	Min
1.	Saya sukar menahan perasaan yang menekan.	3.05
2.	Saya sukar mengakui kesilapan yang telah dilakukan.	2.41
3.	Saya sukar memenuhi janji yang telah dibuat.	2.32
4.	Saya sukar bertanggungjawab dalam pencapaian objektif yang saya tetapkan.	2.48
5.	Saya mengalami kesukaran untuk bekerja secara tersusun dan selamat	2.42
6.	Saya sentiasa mencari idea-idea baru dari pelbagai sumber yang ada dengan pelbagai cara	3.76
7.	Saya berusaha untuk mendapatkan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi	4.07
8.	Saya tidak bersedia untuk mengambil risiko.	2.50
9.	Saya sentiasa bersedia untuk menghadapi perubahan yang berlaku dengan pantas dan drastik	3.49
10.	Saya sukar untuk membuat penyesuaian diri dengan persekitaran yang ada.	2.47

Seterusnya, Jadual 8 menunjukkan analisa bagi dimensi motivasi diri. Hasil kajian menunjukkan terdapat 5 item yang menunjukkan skor min pada tahap yang tinggi iaitu item berkaitan kesungguhan responden untuk mencapai sesuatu yang lebih daripada yang diharapkan (4.11), kesungguhan untuk mencari peluang bagi pencapaian matlamat kumpulan (4.11), kegagalan merupakan keadaan yang boleh dikawal dan bukannya kelemahan diri (4.08), tetap terus berusaha walaupun berhadapan dengan halangan dan kepayahan (4.04) serta item berkaitan kesungguhan untuk mencapai matlamat/objektif yang telah ditetapkan (4.03).

Jadual 9: Analisa Dimensi Motivasi Diri

Bil.	Item	Min
1.	Saya tidak bersedia menghadapi risiko terancang	2.59
2.	Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat/objektif yang telah ditetapkan	4.03
3.	Saya berusaha mencari maklumat untuk memperbaiki cara kerja	3.99
4.	Saya tidak bersedia mengorbankan kepentingan diri untuk kepentingan kumpulan	2.36
5.	Saya menjadikan pendapat ahli kumpulan sebagai asas pilihan dan pembuatan keputusan	3.97
6.	Saya berusaha untuk mencari peluang bagi pencapaian matlamat kumpulan	4.11

7.	Saya berusaha untuk mencapai sesuatu yang lebih daripada yang diharapkan	4.11
8.	Saya tetap terus berusaha walaupun berhadapan dengan halangan dan kepayahan	4.04
9.	Saya takut menghadapi kegagalan	3.39
10.	Kegagalan merupakan keadaan yang boleh dikawal dan bukannya kelemahan diri	4.08

Jadual 9 menunjukkan analisa bagi dimensi empati. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua item yang menunjukkan skor pada tahap tertinggi iaitu item berkaitan responden mendengar pelbagai pendapat sebelum membuat keputusan (4.14) dan responden berkomunikasi dengan rakan-rakan bagi mendapatkan maklumat tentang keperluan dan kehendak mereka (4.05). Seterusnya diikuti dengan item berkaitan tingkahlaku responden yang akan mengenalpasti individu atau rakan yang memberi sumbangan besar dalam tugas mereka serta memberi pujian (3.99) dan responden suka berbincang mengenai isu-isu penting kumpulan (3.96). Skor seterusnya diikuti dengan item berkaitan kemampuan responden untuk memahami pandangan orang lain dengan skor min = 3.94.

Jadual 10: Analisa Dimensi Empati

Bil.	Item	Min
1.	Saya memberi perhatian kepada tanda-tanda masalah berkaitan emosi	3.64
2.	Saya memahami pandangan orang lain	3.94
3.	Saya akan mengenalpasti individu/rakan yang memberi sumbangan besar dalam tugas serta memberi pujian	3.99
4.	Saya percaya bahawa sesi kaunseling dengan pelajar hanya membuang masa	2.31
5.	Saya mendengar pelbagai pendapat sebelum membuat keputusan	4.14
6.	Saya suka berbincang mengenai isu-isu penting kumpulan	3.96
7.	Saya berkomunikasi dengan rakan-rakan bagi mendapatkan maklumat tentang keperluan dan kehendak mereka	4.05
8.	Saya berpendapat hubungan dengan rakan-rakan hanya membuang masa dan tidak patut dipentingkan	1.60
9.	Saya hanya menumpukan kepada sumber maklumat yang boleh dipercayai	3.55
10.	Saya mempersoal semula pendapat yang bercanggah	3.69

Jadual 10 menunjukkan analisa bagi dimensi kemahiran sosial. Hasil kajian menunjukkan skor min tertinggi adalah bagi item berkaitan responden akan berbincang dengan pihak-pihak tertentu untuk mencapai jalan penyelesaian dengan skor min pada tahap yang tinggi iaitu 4.01. Hasil kajian diikuti dengan item berkaitan kesediaan responden untuk mendengar semua pandangan dan pertimbangannya sebelum menetapkan sesuatu peraturan yang kecil dengan skor min = 3.96. Seterusnya diikuti dengan item berkaitan keupayaan responden mententeramkan diri sebelum membincangkan sesuatu konflik dengan pihak yang lain (3.94).

Jadual 11: Analisa Dimensi Kemahiran Sosial

Bil.	Item	Min
1.	Saya mendengar semua pandangan dan pertimbangannya sebelum menetapkan sesuatu peraturan yang kecil	3.96
2.	Saya kerap memberi pandangan dalam apa jua perbincangan	3.73
3.	Saya akan berbincang dengan pihak-pihak tertentu untuk mencapai jalan penyelesaian	4.01
4.	Saya akan mententeramkan diri sebelum membincangkan sesuatu konflik dengan pihak yang lain	3.94
5.	Saya akan berunding sehingga mencapai <i>win-win situation</i> (keadaan menang-menang)	3.66
6.	Saya bertanggungjawab untuk membimbing dan menentukan objektif kumpulan	3.61
7.	Saya praktikkan apa yang telah dikatakan dan dicadangkan	3.82

8.	Saya bertindak mengikut cara yang saya harapkan akan diikuti oleh orang lain	3.35
9.	Saya bersabar dalam meyakinkan individu lain mengenai kebaikan yang diperoleh daripada perubahan yang akan dilakukan	3.89
10.	Saya berusaha mengingat nama semua kenalan baru pada kali pertama bertemu agar senang berhubung dengan mereka di masa hadapan	3.89

Jadual 11 menunjukkan analisa bagi dimensi-dimensi kecerdasan emosi secara keseluruhan. Hasil kajian menunjukkan dimensi kecerdasan emosi tertinggi yang dimiliki oleh responden adalah dimensi kemahiran sosial dengan skor min 3.79. Skor ini diikuti dengan dimensi motivasi diri dan dimensi empati dengan skor min = 3.67 dan 3.49. Dimensi yang menunjukkan skor terendah adalah dimensi kawalan sendiri dengan skor min = 2.90.

Jadual 12: Analisa Dimensi Kecerdasan Emosi

Bil.	Dimensi Kecerdasan Emosi	Mean
1.	Kemahiran Sosial	3.79
2.	Motivasi Diri	3.67
3.	Empati	3.49
4.	Kesedaran Kendiri	3.00
5.	Kawalan Kendiri	2.90

Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, didapati bahawa secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai dimensi kemahiran sosial yang tinggi. Perkara ini menunjukkan bahawa responden mempunyai kebolehan menjalinkan hubungan dengan pihak lain. Kebolehan ini memerlukan mereka untuk mempunyai emosi yang hebat bagi menghasilkan perhubungan yang harmoni dan berkesan. Setiap manusia memiliki kepelbagaian emosi yang terbentuk dari diri sendiri dan jua persekitaran.

Oleh yang demikian, bagi memperoleh kesan yang positif dalam menjalinkan hubungan dengan pihak lain, seseorang individu perlu bijak mengendalikan emosinya dan dapat memahami emosi pihak yang lain. Menurut Brackett, Rivers dan Salovey (2011), individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi menunjukkan kemahiran sosial yang lebih baik, kurang berkonflik dengan rakan sebaya dan lebih proaktif. Pendapat ini disokong oleh Goleman (2003), yang menyatakan bahawa individu yang memiliki kemahiran sosial yang baik mampu menjadi pemangkin kepada sesuatu perubahan.

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan skor min kedua tertinggi adalah bagi dimensi motivasi diri. Dimensi ini merujuk kepada kecenderungan emosi yang mampu menggerakkan dan memandu emosi ke arah pencapaian matlamat yang ditetapkan. Oleh yang demikian, sebagai seorang mahasiswa, responden bijak menguruskan emosi yang bersifat negatif sekaligus mampu berhadapan dengan apa jua masalah. Menurut Siti Sarawati (2009), dengan pengukuhan dimensi motivasi diri, individu akan lebih jelas dengan hala tuju kehidupan mereka. Malah, menurut beliau lagi, kekuatan yang lahir daripada kecerdasan emosi yang tinggi mampu membentuk masyarakat yang berkualiti dan mampu menyumbang kepada lahirnya sebuah negara bangsa yang dikagumi.

Berdasarkan perbincangan dan rumusan hasil kajian, terdapat beberapa cadangan yang difikirkan boleh memberi panduan dan manfaat kepada individu sama ada mahasiswa atau masyarakat sekeliling. Antara cadangan yang ingin dikemukakan adalah supaya pengkaji akan datang dapat melanjutkan kajian yang sama tetapi memperluaskan lagi populasi kajian dengan melibatkan para mahasiswa daripada kampus cawangan atau institusi pengajian tinggi yang lain. Skop kajian juga boleh melihat kepada hubungan antara tahap kecerdasan emosi mahasiswa dengan prestasi akademik dan bukan akademik. Selain itu, kajian akan datang boleh dijalankan di kalangan para pekerja dalam sesebuah organisasi bagi mengenalpasti tahap kecerdasan emosi pekerja. Malah, pengkaji seterusnya juga boleh melihat kepada hubungan kecerdasan emosi dengan prestasi para pekerja. Dengan ini diharapkan agar cadangan yang dikemukakan bertujuan untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam kajian ini serta kajian berikutnya dapat memberikan

dapatan dan keputusan yang lebih mendalam dan berkesan untuk diaplikasikan oleh semua pihak yang terlibat.

Penutup

Kesimpulannya, para mahasiswa perlu menyedari tahap dimensi kecerdasan emosi mereka bagi memantapkan dalaman diri mereka. Mahasiswa yang mempunyai kekuatan dalaman diri yang tinggi akan sentiasa berusaha memperbaiki kelemahan diri untuk menjadi individu yang lebih baik pada masa akan datang. Hal ini bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Goleman (2003) yang menegaskan kepentingan untuk mengenalpasti dimensi kecerdasan emosi yang dimiliki serta berusaha untuk meningkatkan kecerdasan emosi ke tahap yang lebih tinggi.

Malah, tahap kecerdasan emosi yang tinggi juga membantu individu untuk lebih mengenali dan memahami kekuatan emosi diri sendiri dan orang lain. Kepekaan terhadap emosi kedua-dua pihak ini dapat membendung keinginan untuk melakukan perkara negatif yang bertentangan dengan budaya dan agama. Selaras dengan itu, menurut Siti Sarawati (2009), kecerdasan emosi turut melibatkan elemen-elemen pembersihan jiwa yang bersifat positif dan boleh di aplikasi dalam kehidupan setiap generasi masyarakat. Kesedaran sebegini amat penting bagi melahirkan masyarakat yang lebih berkualiti sejajar dengan pembangunan negara yang semakin pesat.

Rujukan

- Brackett M. A., Rivers S. E., & Salovey P. (2011). Emotional Intelligence : Implication for Personal, Social, Academic and Workplace Success. *Social Personal Psychology Compass*, pp. 88-103.
- Chapman, M. (2011). *Emotional Intelligent Handbook: A Pocketful of Tips, Tools and Techniques to Improve Your Emotional Awareness and Your Ability to Manage Feelings – Yours and Other People's*. United Kingdom : Management Pocketbooks.
- Chew, B. H., Md Zain, A., & Hassan, F. (2013). *Emotional Intelligence and Academic Performance in First Year Medical Students : a Cross-Sectional Study*. BMC Medical Education, pp. 44.
- Goleman, D. (2003). *Emotional Intelligence*. New York : Bantam Books.
- Goleman D. (1999). *Working with Emotional Intelligence*. New York : Bantam Books.
- McShane, S., & Glinow, V. (2012). *Organizational Behavior: Emerging Workplace Realities* (6th ed.) New York. McGraw-Hill.
- Nor Akmar , N. (2003). Kajian Keberkesanan Kepimpinan Dalam Organisasi : Hubungannya Dengan Kecerdasan Emosi Pemimpin. *Seminar Kebangsaan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai, Johor.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Pamela, R. J., & Julie, I. (1999). Organizational Benefits of Having Amotional Intelligent Managers and Employees. *Journal of Workplace Learning*, 84-88.
- Rode, J., Mooney, C., Arthaud-Day,M., Near, J., Baldwin, T.,Rubin, R., & Bommer, W. (2007). Emotional intelligence and individual performance : Evidence of direct and moderated effects. *Journal of Organizational Behavior* 28, 399-421,
- Sekaran, U. (2000). *Research methods for business: A skill-building approach* (3rded). New York: John Wiley & Sons Inc.

Siti Sarawati, J. (2009). Kepentingan Penguasaan Kecerdasan Emosi (EQ) Pelajar Luar Bandar : Harapan dan Cabaran dalam Pembentukan Modal Insan Berjiwa Kelas Pertama. *International Conference on Human Capital Development (ICONHCD 2009)*. Kuantan, Pahang.

MAISARAH BINTI ISHAK, DR SHARIFAH ZANNIERAH BINTI SYED MARZUKI.
Universiti Teknologi MARA (Pahang).
maisarahishak@pahang.uitm.edu.my, szannierah@pahang.uitm.edu.my.